

**PENGAKTIFAN LALUAN KONTRA ANTARA LALUAN
SIMPANG AMPAT - AYER KEROH DI KM211.90 SEHINGGA KM209.90
BAGI KERJA-KERJA PEMASANGAN GANTRI PAPARAN MESEJ
ELEKTRONIK**

Petaling Jaya, 13 Ogos 2025:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) ingin memaklumkan bahawa laluan kontra akan diaktifkan di laluan antara Simpang Ampat – Ayer Keroh di KM211.90 hingga KM209.90 di Lebuhraya Utara-Selatan pada 13 Ogos hingga 14 Ogos 2025, mulai jam 11:00 malam hingga 6:00 pagi. Ini bagi membolehkan kerja-kerja pemasangan gantri paparan mesej elektronik oleh kontraktor pihak ketiga dijalankan di lokasi.

Sehubungan itu, Restoran Jejantas Ayer Keroh di KM210 (melibatkan akses masuk daripada arah selatan) dan Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Ayer Keroh (Arah Selatan) di KM209 akan ditutup sementara dalam tempoh tersebut.

Sebagai alternatif, pengguna lebuhraya boleh menggunakan R&R Seremban (Arah Selatan) di KM274.4, Hentian Sebelah Senawang di KM249, Hentian Sebelah Pedas Linggi (Arah Selatan) di KM230, Hentian Sebelah Kampung Bemban (Arah Selatan) di KM184 atau R&R Pagoh di KM135 untuk berhenti rehat dan mendapatkan kemudahan lain dalam tempoh tersebut.

(Sila rujuk Infografik seperti di lampiran)

Pengguna lebuhraya disarankan supaya merancang perjalanan mereka sepanjang tempoh tersebut. Mereka juga dinasihatkan supaya mematuhi semua papan tanda trafik serta arahan yang dikeluarkan oleh petugas PLUS ketika melalui kawasan terbabit.

Pengguna lebuhraya juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi Aplikasi PLUS, Pembantu Maya PUTRI, Aplikasi X@plustrafik atau Papan Tanda Elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih. Orang ramai juga boleh menghubungi talian PLUSLine di 1800-88-0000 sekiranya ingin mendapatkan bantuan apabila berlaku kecemasan.

-TAMAT-


PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
--	--

LAMPIRAN

PENGAKTIFAN LALUAN KONTRA ANTARA LALUAN SIMPANG AMPAT – AYER KEROH DI KM211.90 SEHINGGA KM209.90 BAGI KERJA – KERJA PEMASANGAN GANTRI PAPAN TANDA ELEKTRONIK

**13 Ogos hingga 14 Ogos 2025
(11:00 malam hingga 6:00 pagi)**



Sila patuhi arahan pengawal/papan tanda trafik di lokasi demi keselamatan bersama.

Ikuti kami di media sosial



www.plus.com.my [PLUSLine 1800-88-0000](https://www.plus.com.my/plusline) [Aplikasi PLUS](https://www.plus.com.my/app) [PUTRI](https://www.putri.com.my)



Ahli Kumpulan UEM